



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN PENJARA MALAYSIA

#### LANGKAH MENANGANI COVID-19 DI PENJARA REMAN PULAU PINANG

---

**KAJANG, 12 Oktober 2020** – Jabatan Penjara Malaysia ingin memaklumkan Penjara Reman Pulau Pinang akan menguatkuasakan langkah-langkah pencegahan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran berkuatkuasa 12 Oktober 2020 sehingga tarikh diberitahu kelak.

Sehubungan itu, Prosedur Operasi Standard (SOP) langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 akan dikuatkuasakan seperti berikut ;

1. Larangan pergerakan fizikal masuk dan keluar dari Penjara Reman Pulau Pinang akan di perketatkan.
2. Kawalan keluar masuk bersyarat bagi anggota yang bekerja akan dilaksanakan.
3. Perjumpaan lawatan keluarga, peguam kedutaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak luar adalah tidak dibenarkan sama sekali.
4. Aktiviti-aktiviti seperti kursus, komuniti, sukan, riadah, majlis keraian di dalam kawasan penjara dan kuarters adalah dilarang sama sekali.
5. Pelaksanaan *TOTAL LOCKDOWN* akan dilaksanakan ke atas blok-blok bagi penempatan banduan yang positif COVID-19.

Semoga dengan penjelasan ini akan dapat memberi gambaran yang jelas kepada masyarakat mengenai kesepaduan usaha Jabatan dan KDN memerangi COVID-19 di Jabatan Penjara Malaysia

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Penjara Malaysia**

**12 Oktober 2020**

Bil. 08/2020